



14 Mac 2014
14 March 2014
P.U. (A) 73

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK (PINDAAN) 2014

ELECTRICITY (AMENDMENT) REGULATIONS 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990

PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK (PINDAAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 53 Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Elektrik (Pindaan) 2014**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Mac 2014.

Pindaan am

2. Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 [P.U. (A) 38/1994], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan menggantikan perkataan “talian telekomunikasi” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “talian membawa komunikasi”.

Pindaan peraturan 2

3. Peraturan 2 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas takrif “kerja elektrik” takrif yang berikut:

‘ “komunikasi” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588];’;

(b) dengan memasukkan selepas takrif “voltan amat rendah” takrif yang berikut:

‘ “voltan amat tinggi” ertinya voltan yang biasanya melebihi 230,000 volt;’;

(c) dengan memasukkan selepas takrif “voltan rendah” takrif yang berikut:

‘ “voltan sederhana” ertinya voltan yang biasanya melebihi voltan rendah tetapi bersamaan dengan atau tidak melebihi 50,000 volt;’ dan

(d) dengan memasukkan selepas takrif “voltan sederhana” takrif yang berikut:

‘ “voltan tinggi” ertinya voltan yang biasanya melebihi 50,000 volt tetapi bersamaan dengan atau tidak melebihi 230,000 volt;’.

Pindaan peraturan 10

4. Subperaturan 10(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan “bio jisim” dengan perkataan “biojisim, biogas”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan “10 MW” dengan perkataan “5 MW”.

Pindaan peraturan 54

5. Peraturan 54 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan nota birai dengan nota birai yang berikut:

“Fi bagi memproses permohonan peperiksaan, peperiksaan, pengendorsan, penggantian dan pengeluaran semula Perakuan Kekompetenan”;

(b) dengan menomborkan semula perenggan (a), (b), (c) dan (d) yang sedia ada sebagai perenggan (b), (c), (d) dan (e); dan

(c) dengan memasukkan perenggan (a) baru yang berikut:

“(a) memproses suatu permohonan peperiksaan bagi Perakuan Kekompetenan;”.

Pindaan peraturan 97

6. Subperaturan 97(3) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dua puluh” dengan perkataan “tiga puluh”.

Pindaan Jadual Kedua

7. Jadual Kedua kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan Bahagian I dengan Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN I

(peraturan 4)

FI BAGI PENGELUARAN PERAKUAN PENDAFTARAN

1. Fi mengikut kadar yang berikut hendaklah kena dibayar bagi pengeluaran Perakuan Pendaftaran di bawah peraturan 4:

	<i>Keupayaan Pemasangan</i>	<i>Fi Tahunan</i>				
		1 tahun	2 tahun	3 tahun	4 tahun	5 tahun
(a)	bagi setiap pemasangan 10 kilowatt atau kurang	RM30	RM60	RM90	RM120	RM150
(b)	bagi setiap pemasangan melebihi 10 kilowatt hingga 50 kilowatt	RM165	RM330	RM495	RM660	RM825
(c)	bagi setiap pemasangan melebihi 50 kilowatt hingga 100 kilowatt	RM550	RM1,100	RM1,650	RM2,200	RM2,750

<i>(d)</i>	bagi setiap pemasangan melebihi 100 kilowatt hingga 300 kilowatt	RM1,100	RM2,200	RM3,300	RM4,400	RM5,500
<i>(e)</i>	bagi setiap pemasangan melebihi 300 kilowatt hingga 600 kilowatt	RM1,650	RM3,300	RM4,950	RM6,600	RM8,250
<i>(f)</i>	bagi setiap pemasangan melebihi 600 kilowatt hingga 5,000 kilowatt	RM2,200	RM4,400	RM6,600	RM8,800	RM11,000
<i>(g)</i>	bagi setiap pemasangan melebihi 5,000 kilowatt	RM3,000	RM6,000	RM9,000	RM12,000	RM15,000

2. Bagi maksud Bahagian ini, “keupayaan pemasangan” ertinya tahap maksimum kuasa elektrik yang pada tahap itu sesuatu pemasangan boleh digunakan, dijalankan kerja padanya atau dikendalikan bagi sesuatu tempoh masa tanpa mengakibatkan kerosakan pada mana-mana bahagian pemasangan itu. Walau bagaimanapun, bagi sistem penghantaran atau sistem pengagihan, keupayaan pemasangan itu adalah pada tahap maksimum kuasa elektrik yang pada tahap itu sistem itu dijangka atau dikehendaki untuk membekalkannya dalam suatu tempoh masa, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.”;

(b) dengan menggantikan Bahagian IA dengan Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN IA

(subperaturan 10(3))

FI BAGI PENGELUARAN LESEN BAGI PEPASANGAN PERSENDIRIAN

1. Fi mengikut kadar yang berikut hendaklah kena dibayar bagi pengeluaran lesen bagi pemasangan persendirian di bawah subperaturan 10(3):

	<i>Keupayaan Pemasangan</i>	<i>Fi bagi satu tahun</i>
(a)	bagi setiap pemasangan 10 kilowatt atau kurang	RM30
(b)	bagi setiap pemasangan melebihi 10 kilowatt hingga 50 kilowatt	RM165
(c)	bagi setiap pemasangan melebihi 50 kilowatt hingga 100 kilowatt	RM550
(d)	bagi setiap pemasangan melebihi 100 kilowatt hingga 300 kilowatt	RM1,100
(e)	bagi setiap pemasangan melebihi 300 kilowatt hingga 600 kilowatt	RM1,165
(f)	bagi setiap pemasangan melebihi 600 kilowatt hingga 5,000 kilowatt	RM2,200
(g)	bagi setiap pemasangan melebihi 5,000 kilowatt	RM3,000

2. Bagi maksud Bahagian ini, “keupayaan pemasangan” ertinya tahap maksimum kuasa elektrik yang pada tahap itu sesuatu pemasangan boleh digunakan, dijalankan kerja padanya atau dikendalikan bagi sesuatu tempoh masa tanpa mengakibatkan kerosakan pada mana-mana bahagian pemasangan itu. Walau bagaimanapun, bagi sistem penghantaran atau sistem pengagihan, keupayaan pemasangan itu adalah pada tahap maksimum kuasa elektrik yang pada tahap itu sistem itu dijangka atau dikehendaki untuk membekalkannya dalam suatu tempoh masa, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.”;

(c) dengan menggantikan Bahagian II dengan Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN II

(peraturan 6)

FI BAGI PEMERIKSAAN DAN UJIAN PEPASANGAN

Fi mengikut kadar yang berikut hendaklah dikenakan bagi pemeriksaan dan ujian bagi pemasangan yang berikut:

	<i>Keupayaan Pemasangan</i>	<i>Fi bagi satu pemeriksaan dan ujian</i>
(a)	bagi setiap 50 kilowatt atau kurang	RM60
(b)	bagi setiap pemasangan melebihi 50 kilowatt hingga 100 kilowatt	RM110

(c)	bagi setiap pemasangan melebihi 100 kilowatt hingga 300 kilowatt	RM165
(d)	bagi setiap pemasangan melebihi 300 kilowatt hingga 600 kilowatt	RM220
(e)	bagi setiap pemasangan melebihi 600 kilowatt hingga 1,000 kilowatt	RM275
(f)	bagi setiap pemasangan melebihi 1,000 kilowatt	RM330”;

(d) dengan menggantikan Bahagian III dengan Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN III

(subperaturan 10(1))

**FI BAGI PEPASANGAN AWAM SELAIN PENJANAAN YANG DISEBUT
DALAM SUBPERATURAN 10(2)**

1. Kadar untuk menentukan fi yang kena dibayar secara tahunan bagi pengeluaran lesen bagi pemasangan awam, selain penjaan yang disebut dalam subperaturan 10(2), adalah seperti yang berikut:

(a) sebelum pentauliahannya mana-mana bahagian pemasangan—

1.1 sen setiap kilowatt berdasarkan kepada keupayaan pemasangan sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen; dan

(b) selepas keseluruhan pemasangan atau mana-mana bahagiannya telah disiapkan, ditauliahkan dan sedia untuk membekalkan elektrik kepada mana-mana orang:

Keupayaan Pemasangan	Jenis Aktiviti		
	Penjaan	Penghantaran	Pengagihan
Jika kuasa agregat ialah 5 kilowatt dan lebih	RM1.65/ kilowatt	RM0.33/ kilowatt	RM0.44/ kilowatt

Bagi maksud untuk menentukan fi yang kena dibayar di bawah subperenggan ini, keupayaan pemasangan adalah—

(i) apabila sebahagian daripada pemasangan telah disiapkan, ditauliahkan dan sedia untuk membekalkan elektrik kepada mana-mana orang—

keupayaan maksimum pemasangan yang ditauliahkan dalam tempoh 12 bulan yang berkaitan; atau

- (ii) selepas keseluruhan pemasangan telah disiapkan, ditauliahkan dan sedia untuk membekalkan elektrik kepada mana-mana orang—

keupayaan pemasangan sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen.

2. Jika dua keadaan atau lebih yang dinyatakan dalam subperenggan 1(a) atau subsubperenggan 1(b)(i) atau (ii) berlaku dalam tempoh 12 bulan dari tarikh pengeluaran lesen atau semasa 12 bulan selepas itu, fi tahunan yang kena dibayar bagi tempoh 12 bulan itu hendaklah berdasarkan kepada keadaan dalam subperenggan 1(a) atau subsubperenggan 1(b)(i) atau (ii), mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

3. Apa-apa perbezaan antara fi tahunan yang telah dibayar dengan fi tahunan yang kena dibayar menurut perenggan 2 bagi tempoh 12 bulan, hendaklah dibayar dalam tempoh satu bulan dari tarikh berlakunya keadaan yang menghendaki fi yang lebih tinggi itu dibayar.

4. Dalam pengiraan keupayaan pemasangan, kilowatt (kW) dikira sebagai 0.85 x kilovolt-ampere (kVA).

5. Bagi mana-mana lesen yang diberikan sebelum mula berkuat kuasanya Bahagian ini, fi yang ditetapkan dalam Bahagian ini hendaklah terpakai pada tarikh fi tahunan yang seterusnya kena dibayar.

6. Walau apa pun perenggan yang terdahulu, fi minimum yang kena dibayar di bawah Bahagian ini ialah RM100.00.

7. Fi pemprosesan berjumlah RM100.00 hendaklah dikenakan bagi sesuatu permohonan lesen.

8. Fi berjumlah RM100.00 kena dibayar bagi permohonan untuk meminda syarat lesen atau menggantikan lesen. Apa-apa pindaan kepada syarat lesen tertakluk kepada terma dan syarat yang boleh dikenakan oleh Suruhanjaya.

9. Bagi maksud Bahagian ini—

“ditauliahkan” ertinya pemeriksaan, ujian dan pengendalian percubaan yang dilakukan ke atas sesuatu kelengkapan atau pemasangan atau mana-mana bahagiannya untuk mengesahkan dan memastikan kelengkapan atau pemasangan itu telah dikilang, dibuat, dibina, dipasang, ditatah atau disesuaikan mengikut kehendak keselamatan, operasi dan pelaksanaan yang relevan supaya ia sedia untuk digunakan, dijalankan kerja padanya atau dikendalikan; dan

“keupayaan pemasangan” ertinya tahap maksimum kuasa elektrik yang pada tahap itu sesuatu pemasangan boleh digunakan, dijalankan kerja padanya atau dikendalikan bagi sesuatu tempoh masa tanpa mengakibatkan kerosakan pada mana-mana bahagian pemasangan itu. Walau bagaimanapun, bagi sistem penghantaran atau sistem pengagihan, keupayaan pemasangan itu adalah pada tahap maksimum kuasa elektrik yang pada tahap itu sistem itu dijangka atau dikehendaki untuk membekalkannya dalam suatu tempoh masa, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.”;

(e) dengan menggantikan Bahagian IIIA dengan Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN IIIA

(subperaturan 10(2))

**FI BAGI PEPASANGAN AWAM BAGI PENJANAAN ELEKTRIK
MENGUNAKAN TENAGA BIOJISIM, BIOGAS, KUASA HIDRO, KUASA
SURIA, KUASA HABA BUMI, KUASA ANGIN, SUMBER OMBAK DAN AIR
PASANG SURUT DENGAN AGREGAT KUASA TIDAK MELEBIHI
5 MEGAWATT**

1. Kadar untuk menentukan fi yang kena dibayar secara tahunan bagi pengeluaran lesen bagi pemasangan awam bagi penjaan elektrik menggunakan tenaga biojisim, biogas, kuasa hidro, kuasa suria, kuasa haba bumi, kuasa angin, sumber ombak dan air pasang surut dengan agregat kuasa tidak melebihi 5 Megawatt (MW) adalah seperti yang berikut:

(a) sebelum pentauliahan mana-mana bahagian pemasangan—

1.1 sen setiap kilowatt berdasarkan kepada keupayaan pemasangan sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen; dan

(b) selepas keseluruhan pemasangan atau mana-mana bahagiannya telah disiapkan, ditauliahkan dan sedia untuk membekalkan elektrik kepada mana-mana orang atau utiliti—

RM1.65 bagi setiap kilowatt (kW) apabila agregat kuasa keupayaan pemasangan melebihi 5 kW.

Bagi maksud untuk menentukan fi yang kena dibayar di bawah subperenggan ini keupayaan pemasangan adalah—

(i) apabila sebahagian daripada pemasangan telah disiapkan, ditauliahkan dan sedia untuk membekalkan elektrik kepada mana-mana orang atau utiliti—

keupayaan maksimum pemasangan yang digunakan dalam tempoh 12 bulan yang berkaitan; atau

- (ii) selepas keseluruhan pemasangan telah disiapkan, ditauliahkan dan sedia untuk membekalkan elektrik kepada mana-mana orang atau utiliti—

keupayaan pemasangan sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen.

2. Dalam pengiraan keupayaan pemasangan, kilowatt (kW) dikira sebagai $0.85 \times$ kilovolt-ampere (kVA).
3. Bagi mana-mana lesen yang dikeluarkan sebelum mula berkuat kuasanya Bahagian ini, fi yang ditetapkan dalam Bahagian ini hendaklah terpakai pada tarikh fi tahunan yang seterusnya kena dibayar.
4. Walau apa pun perenggan yang terdahulu, fi minimum yang kena dibayar di bawah Bahagian ini ialah RM100.00 dan fi maksimum ialah RM2,200.00.
5. Fi pemprosesan berjumlah RM100.00 hendaklah dikenakan bagi sesuatu permohonan lesen.
6. Fi berjumlah RM100.00 kena dibayar bagi permohonan untuk meminda syarat lesen atau untuk menggantikan lesen. Apa-apa pindaan kepada syarat lesen tertakluk kepada terma dan syarat yang boleh dikenakan oleh Suruhanjaya.
7. Bagi maksud Bahagian ini—

“ditauliahkan” ertinya pemeriksaan, ujian dan pengendalian percubaan yang dilakukan ke atas sesuatu kelengkapan atau pemasangan atau mana-mana bahagiannya untuk mengesahkan dan memastikan kelengkapan atau pemasangan itu telah dikilang, dibuat, dibina, dipasang, ditatah atau disesuaikan mengikut kehendak keselamatan, operasi dan pelaksanaan yang relevan supaya ia sedia untuk digunakan, dijalankan kerja padanya atau dikendalikan; dan

“keupayaan pemasangan” ertinya tahap maksimum kuasa elektrik yang pada tahap itu sesuatu pemasangan boleh digunakan, dijalankan kerja padanya atau dikendalikan bagi sesuatu tempoh masa tanpa mengakibatkan kerosakan pada mana-mana bahagian pemasangan itu. Walau bagaimanapun, bagi sistem penghantaran atau sistem pengagihan, keupayaan pemasangan itu adalah pada tahap maksimum kuasa elektrik yang pada tahap itu sistem itu dijangka atau dikehendaki untuk membekalkannya dalam suatu tempoh masa, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.”;

(f) dengan menggantikan Bahagian IIIB dengan Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN IIIB

(peraturan 52)

FI BAGI PENGELUARAN PERAKUAN KEKOMPETENAN SEMENTARA

Fi yang berikut kena dibayar bagi pengeluaran Perakuan Kekompetenan sementara:

	<i>Perkara</i>	<i>Fi</i>
(a)	Perakuan Kekompetenan sementara sebagai Jurutera Perkhidmatan Elektrik	RM300
(b)	Perakuan Kekompetenan sementara sebagai Jurutera Elektrik Kompeten	RM200
(c)	Perakuan Kekompetenan sementara sebagai Penyelia Elektrik	RM150
(d)	Perakuan Kekompetenan sementara sebagai Penjaga Jentera (voltan kendalian melebihi 1kV sehingga 33kV)	RM110
(e)	Perakuan Kekompetenan sementara sebagai Penjaga Jentera (voltan kendalian sehingga 1kV)	RM60
(f)	Perakuan Kekompetenan sementara sebagai Pendawai (Fasa 3)	RM40
(g)	Perakuan Kekompetenan sementara sebagai Pendawai (Fasa 1)	RM30
(h)	Perakuan Kekompetenan sementara sebagai Pencantum Kabel	RM40”;

(g) dengan menggantikan Bahagian IV dengan Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN IV

(peraturan 54)

**FI BAGI MEMPROSES PERMOHONAN PEPERIKSAAN, PEPERIKSAAN,
PENGENDORSAN, PENGGANTIAN DAN PENGELUARAN SEMULA
PERAKUAN KEKOMPETENAN**

Fi yang berikut hendaklah dikenakan bagi memproses permohonan peperiksaan, peperiksaan Perakuan Kekompetenan, pengendorsan, penggantian dan pengeluaran semula Perakuan Kekompetenan:

	<i>Perkara</i>	<i>Fi</i>
(a)	bagi memproses permohonan bagi setiap peperiksaan	RM20
(b)	bagi peperiksaan bagi Perakuan Kekompetenan sebagai Jurutera Perkhidmatan Elektrik	RM220
(c)	bagi peperiksaan bagi Perakuan Kekompetenan sebagai Jurutera Elektrik Kompeten	RM220
(d)	bagi peperiksaan bagi Perakuan Kekompetenan sebagai Penyelia Elektrik	RM165
(e)	bagi peperiksaan bagi Perakuan Kekompetenan sebagai Penjaga Jentera	RM110
(f)	bagi peperiksaan bagi Perakuan Kekompetenan sebagai Pendawai	RM60
(g)	bagi peperiksaan bagi Perakuan Kekompetenan sebagai Pencantum Kabel	RM60
(h)	bagi mengendorskan mana-mana Perakuan Kekompetenan	RM60
(i)	bagi menggantikan mana-mana Perakuan Kekompetenan sebagai Jurutera Perkhidmatan Elektrik	RM330
(j)	bagi menggantikan mana-mana Perakuan Kekompetenan sebagai Jurutera Elektrik Kompeten	RM330
(k)	bagi menggantikan mana-mana Perakuan Kekompetenan sebagai Penyelia Elektrik	RM275

(l)	bagi menggantikan mana-mana Perakuan Kekompetenan sebagai Penjaga Jentera	RM220
(m)	bagi menggantikan mana-mana Perakuan Kekompetenan sebagai Pendawai	RM110
(n)	bagi menggantikan mana-mana Perakuan Kekompetenan sebagai Pencantum Kabel	RM110
(o)	bagi mengeluarkan semula mana-mana Perakuan Kekompetenan	RM30”;

(h) dengan menggantikan Bahagian V dengan Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN V

(peraturan 63)

FI BAGI PENDAFTARAN ORANG KOMPETEN

Fi yang berikut kena dibayar bagi pendaftaran sebagai orang kompeten dalam kategori yang berikut di bawah lingkungan had umur yang dinyatakan dalam peraturan 63:

	<i>Orang Kompeten</i>	<i>Fi Pendaftaran</i>				
		1 tahun	2 tahun	3 tahun	4 tahun	5 tahun
(a)	Jurutera Perkhidmatan Elektrik	RM300	RM600	RM900	RM1,200	RM1,500
(b)	Jurutera Elektrik Kompeten	RM200	RM400	RM600	RM800	RM1,000
(c)	Penyelia Elektrik	RM150	RM300	RM450	RM600	RM750
(d)	Penjaga Jentera (voltan kendalian melebihi 1kV sehingga 33kV)	RM110	RM220	RM330	RM440	RM550

(e)	Penjaga Jentera (voltan kendalian sehingga 1kV)	RM60	RM120	RM180	RM240	RM300
(f)	Pendawai (Fasa 1)	RM30	RM60	RM90	RM120	RM150
(g)	Pendawai (Fasa 3)	RM40	RM80	RM120	RM160	RM200
(h)	Pencantum Kabel	RM40	RM80	RM120	RM160	RM200”;

(i) dengan menggantikan Bahagian VII dengan Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN VII

(peraturan 74)

FI BAGI PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI KONTRAKTOR PERKHIDMATAN ELEKTRIK

Fi yang berikut kena dibayar bagi pengeluaran atau pembaharuan Perakuan Pendaftaran sebagai Kontraktor Perkhidmatan Elektrik yang bekerja pada voltan kendalian yang berikut:

Tahun	<i>Voltan Kendalian dalam Kilovolt</i>					
	<i>11kV ke bawah</i>		<i>11kV hingga 33kV</i>		<i>33kV ke atas</i>	
	Fi Pengeluaran	Fi Pembaharuan	Fi Pengeluaran	Fi Pembaharuan	Fi Pengeluaran	Fi Pembaharuan
1 tahun	RM1,000	RM500	RM1,100	RM 550	RM2,200	RM1,100
2 tahun	RM1,500	RM1,000	RM1,650	RM1,100	RM3,300	RM2,200
3 tahun	RM2,000	RM1,500	RM2,200	RM1,650	RM4,400	RM3,300
4 tahun	RM2,500	RM2,000	RM2,750	RM2,200	RM5,500	RM4,400
5 tahun	RM3,000	RM2,500	RM3,300	RM2,750	RM6,600	RM5,500”;

(j) dengan menggantikan Bahagian VIII dengan Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN VIII

(peraturan 79)

FI BAGI PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI KONTRAKTOR ELEKTRIK

Fi yang berikut kena dibayar bagi pengeluaran atau pembaharuan Perakuan Pendaftaran sebagai Kontraktor Elektrik mengikut kelas yang berikut:

Tahun	Kelas							
	Kelas A		Kelas B		Kelas C		Kelas D	
	Fi Pengeluaran	Fi Pembaharuan	Fi Pengeluaran	Fi Pembaharuan	Fi Pengeluaran	Fi Pembaharuan	Fi Pengeluaran	Fi Pembaharuan
1 tahun	RM3,000	RM2,000	RM1,500	RM1,000	RM500	RM300	RM200	RM100
2 tahun	RM5,000	RM4,000	RM2,500	RM2,000	RM800	RM600	RM300	RM200
3 tahun	RM7,000	RM6,000	RM3,500	RM3,000	RM1,100	RM900	RM400	RM300
4 tahun	RM9,000	RM8,000	RM4,500	RM4,000	RM1,400	RM1,200	RM500	RM400
5 tahun	RM11,000	RM10,000	RM5,500	RM5,000	RM1,700	RM1,500	RM600	RM500”;

(k) dengan menggantikan Bahagian IX dengan Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN IX

(peraturan 83)

FI BAGI PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI UNIT PENDAWAIAN PERSENDIRIAN

Fi yang berikut kena dibayar bagi pengeluaran atau pembaharuan Perakuan Pendaftaran sebagai Unit Pendawaian Persendirian:

	1 tahun	2 tahun	3 tahun	4 tahun	5 tahun
Fi Pengeluaran	RM330	RM550	RM770	RM990	RM1,210
Fi Pembaharuan	RM220	RM440	RM660	RM880	RM1,100”;

(l) dengan menggantikan Bahagian X dengan Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN X

(peraturan 87)

**FI BAGI PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI KONTRAKTOR PAPAN
TANDA ELEKTRIK**

Fi yang berikut kena dibayar bagi pengeluaran atau pembaharuan Perakuan Pendaftaran sebagai Kontraktor Papan Tanda Elektrik:

	1 tahun	2 tahun	3 tahun	4 tahun	5 tahun
Fi Pengeluaran	RM550	RM880	RM1,210	RM1,540	RM1,870
Fi Pembaharuan	RM330	RM660	RM990	RM1,320	RM1,650”;

(m) dengan menggantikan Bahagian XI dengan Bahagian yang berikut :

“BAHAGIAN XI

(peraturan 91)

**FI BAGI PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI KONTRAKTOR
PEMBAIKAN ELEKTRIK**

Fi yang berikut kena dibayar bagi pengeluaran atau pembaharuan Perakuan Pendaftaran sebagai Kontraktor Pembaikan Elektrik:

	1 tahun	2 tahun	3 tahun	4 tahun	5 tahun
Fi Pengeluaran	RM110	RM170	RM230	RM290	RM350
Fi Pembaharuan	RM60	RM120	RM180	RM240	RM300”;

(n) dengan menggantikan Bahagian XII dengan Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN XII

(peraturan 96)

FI BAGI PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI PENGILANG PAPAN SUIS

Fi yang berikut kena dibayar bagi pengeluaran atau pembaharuan Perakuan Pendaftaran sebagai Pengilang Papan Suis dalam kelas yang berikut:

Tahun	<i>Kelas</i>			
	<i>Papan suis dikendalikan pada voltan rendah</i>		<i>Papan suis dikendalikan pada voltan lebih tinggi daripada voltan rendah</i>	
	Fi Pengeluaran	Fi Pembaharuan	Fi Pengeluaran	Fi Pembaharuan
1 tahun	RM660	RM330	RM3,300	RM2,200
2 tahun	RM990	RM660	RM5,500	RM4,400
3 tahun	RM1,320	RM990	RM7,700	RM6,600
4 tahun	RM1,650	RM1,320	RM9,900	RM8,800
5 tahun	RM1,980	RM1,650	RM12,100	RM11,000”;

dan

(o) dengan menggantikan Bahagian XIII dengan Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN XIII

(peraturan 97)

**FI BAGI PERAKUAN KELULUSAN UNTUK MENGILANG, MENGIMPORT,
MEMPAMER, MENJUAL ATAU MENGIKLANKAN KELENGKAPAN**

Fi yang berikut kena dibayar bagi pengeluaran atau pembaharuan Perakuan Kelulusan untuk mengilang, mengimport, mempamer, menjual atau mengiklankan setiap kelengkapan yang dikendalikan pada kadaran voltan yang berikut:

	<i>Kadaran Voltan</i>	<i>Fi Pengeluaran bagi 12 bulan</i>	<i>Fi Pembaharuan bagi 12 bulan</i>
<i>(a)</i>	240V	RM220	RM110
<i>(b)</i>	415V	RM330	RM220”.

Dibuat 10 Mac 2014

[KeTTHA: BP(S) 223/353/22/4 Klt.9; PN(PU2)486/VI]

DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI
Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air

ELECTRICITY SUPPLY ACT 1990

ELECTRICITY (AMENDMENT) REGULATIONS 2014

IN exercise of the powers conferred by section 53 of the Electricity Supply Act 1990 [Act 447], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Electricity (Amendment) Regulations 2014**.

(2) These Regulations come into operation on 15 March 2014.

General amendment

2. The Electricity Regulations 1994 [P.U. (A) 38/1994], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended by substituting for the words “telecommunication line” wherever appearing the words “line carrying communications”.

Amendment of regulation 2

3. Regulation 2 of the principal Regulations is amended—

(a) by inserting after the definition of “circuit breaker” the following definition:

‘ “communications” has the meaning assigned thereto in the Communications and Multimedia Act 1998 [Act 588];’;

(b) by inserting after the definition of “Electrical Supervisor” the following definition:

‘ “extra high voltage” means a voltage normally exceeding 230,000 volts;’;

(c) by inserting after the definition of “Malaysian Communications and Multimedia Commission” the following definition:

‘ “medium voltage” means a voltage normally exceeding low voltage but equal to or not exceeding 50,000 volts;’; and

(d) by inserting after the definition of “final circuit” the following definition:

‘ “high voltage” means a voltage normally exceeding 50,000 volts but equal to or not exceeding 230,000 volts;’.

Amendment of regulation 10

4. Subregulation 10(2) of the principal Regulations is amended—

(a) by substituting for the word “biomass” the words “biomass, biogas”; and

(b) by substituting for the words “10 MW” the words “5 MW”.

Amendment of regulation 54

5. Regulation 54 of the principal Regulations is amended—

(a) by substituting for the marginal note the following marginal note:

“Fee for processing examination application, examination, endorsement, replacement and reissuance of Certificate of Competency”;

(b) by renumbering the existing paragraphs (a), (b), (c) and (d) as paragraphs (b), (c), (d) and (e); and

(c) by inserting a new paragraph (a) as follows:

“(a) processing an examination application for a Certificate of Competency;”.

Amendment of regulation 97

6. Subregulation 97(3) of the principal Regulations is amended by substituting for the word “twenty” the word “thirty”.

Amendment of Second Schedule

7. The Second Schedule to the principal Regulations is amended—

(a) by substituting for Part I the following Part:

“PART I

(regulation 4)

FEES FOR THE ISSUANCE OF CERTIFICATE OF REGISTRATION

1. Fees according to the following rates are payable for the issuance of Certificate of Registration under regulation 4:

	<i>Installation Capacity</i>	<i>Annual Fee</i>				
		1 year	2 years	3 years	4 years	5 years
(a)	for each installation of 10 kilowatts or less	RM30	RM60	RM90	RM120	RM150
(b)	for each installation above 10 kilowatts to 50 kilowatts	RM165	RM330	RM495	RM660	RM825
(c)	for each installation above 50 kilowatts to 100 kilowatts	RM550	RM1,100	RM1,650	RM2,200	RM2,750
(d)	for each installation above 100 kilowatts to 300 kilowatts	RM1,100	RM2,200	RM3,300	RM4,400	RM5,500
(e)	for each installation	RM1,650	RM3,300	RM4,950	RM6,600	RM8,250

	above 300 kilowatts to 600 kilowatts					
(f)	for each installation above 600 kilowatts to 5,000 kilowatts	RM2,200	RM4,400	RM6,600	RM8,800	RM11,000
(g)	for each installation above 5,000 kilowatts	RM3,000	RM6,000	RM9,000	RM12,000	RM15,000

2. For the purpose of this Part, "installation capacity" means the maximum level of electrical power at which an installation can be used, worked on or operated for a period of time without causing damage to any part of the installation. However, for a transmission or distribution system, the installation capacity is at the maximum level of electrical power at which the system is expected or required to supply over a period of time, whichever is the higher.”;

(b) by substituting for Part IA the following Part:

“PART IA

(subregulation 10(3))

FEES FOR THE ISSUANCE OF A LICENCE FOR A PRIVATE INSTALLATION

1. Fees according to the following rates are payable for the issuance of a licence for a private installation under subregulation 10(3):

	<i>Installation Capacity</i>	<i>Fees per year</i>
(a)	for each installation of 10 kilowatts or less	RM30
(b)	for each installation above 10 kilowatts to 50 kilowatts	RM165
(c)	for each installation above 50 kilowatts to 100 kilowatts	RM550
(d)	for each installation above 100 kilowatts to 300 kilowatts	RM1,100
(e)	for each installation above 300 kilowatts to 600 kilowatts	RM1,165
(f)	for each installation above 600 kilowatts to 5,000 kilowatts	RM2,200

<i>(g)</i>	for each installation above 5,000 kilowatts	RM3,000
------------	---	---------

2. For the purpose of this Part, "installation capacity" means the maximum level of electrical power at which an installation can be used, worked on or operated for a period of time without causing damage to any part of the installation. However, for a transmission or distribution system, the installation capacity is at the maximum level of electrical power at which the system is expected or required to supply over a period of time, whichever is the higher.”;

(c) by substituting for Part II the following Part:

“PART II

(regulation 6)

FEES FOR INSPECTION AND TEST OF INSTALLATION

Fees according to the following rates shall be charged for inspection and test of the following installations:

	<i>Installation Capacity</i>	<i>Fees per inspection and test</i>
<i>(a)</i>	for each installation of 50 kilowatts or less	RM60
<i>(b)</i>	for each installation above 50 kilowatts to 100 kilowatts	RM110
<i>(c)</i>	for each installation above 100 kilowatts to 300 kilowatts	RM165
<i>(d)</i>	for each installation above 300 kilowatts to 600 kilowatts	RM220
<i>(e)</i>	for each installation above 600 kilowatts to 1,000 kilowatts	RM275
<i>(f)</i>	for each installation above 1,000 kilowatts	RM330”;

(d) by substituting for Part III the following Part:

“PART III

(subregulation 10(1))

FEES FOR PUBLIC INSTALLATION OTHER THAN GENERATION REFERRED TO IN SUBREGULATION 10(2)

1. The rates to determine the fees payable on an annual basis for the issuance of a licence for a public installation, other than the generation referred to in subregulation 10(2), is as follows:

(a) before the commissioning of any part of the installation—

1.1 cent per kilowatt based on the installation capacity as specified in the licence; and

(b) after the whole installation or any part of it has been completed, commissioned and is ready to deliver electricity to any person:

Installation Capacity	Types of Activities		
	Generation	Transmission	Distribution
Where the aggregate power is 5 kilowatts and above	RM1.65/ kilowatt	RM0.33/ kilowatt	RM0.44/ kilowatt

For the purpose of determining the fees payable under this subparagraph, the capacity of the installation shall be—

(i) where part of the installation has been completed, commissioned and is ready to deliver electricity to any person—

the maximum installation capacity commissioned during the relevant 12 months;
or

(ii) after the whole installation has been completed, commissioned and is ready to deliver electricity to any person—

the installation capacity as specified in the licence.

2. Where two or more of the circumstances specified in subparagraph 1(a) or subparagraph 1(b)(i) or (ii) occur during the 12-month period from the date of issuance of the licence or during any subsequent 12-month period, the annual fees payable for the 12-month period shall be based on the circumstances in subparagraph 1(a) or subparagraph 1(b)(i) or (ii), whichever is the higher.

3. Any difference between the annual fees which have been paid and the annual fees, which is payable in accordance with paragraph 2 for the 12-month period, shall be paid within one month from the date of occurrence of the circumstances which require a higher fee to be paid.

4. In the calculation of the installation capacity, kilowatt (kW) is calculated as 0.85 x kilovolt-ampere (kVA).
5. For any licence issued before the date of coming into operation of this Part, the fees prescribed in this Part shall be applied on the date that the next annual fees are due and payable.
6. Notwithstanding the foregoing paragraphs, the minimum fees payable under this Part is RM100.00.
7. A processing fee of RM100.00 shall be charged for an application of a licence.
8. A fee of RM100.00 shall be payable for an application to amend the conditions of the licence or to replace the licence. Any amendment to the conditions of the licence shall be subjected to such terms and conditions as the Commission may impose.
9. For the purposes of this Part—

“commissioned” means the inspection, tests and trial operations carried out on an equipment or installation or any part of it to verify and ascertain that the equipment or installation has been manufactured, fabricated, constructed, installed, set or adjusted according to the relevant safety, operational and performance requirements so that it is ready to be used, worked or operated; and

“installation capacity” means the maximum level of electrical power at which an installation can be used, worked on or operated for a period of time without causing damage to any part of the installation. However, for a transmission or distribution system, the installation capacity is at the maximum level of electrical power at which the system is expected or required to supply over a period of time, whichever is the higher.”;

(e) by substituting for Part IIIA the following Part:

“PART IIIA

(subregulation 10(2))

**FEES FOR PUBLIC INSTALLATION FOR GENERATING ELECTRICITY
USING BIOMASS, BIOGAS, HYDRO POWER, SOLAR POWER,
GEOTHERMAL POWER, WIND POWER, WAVES AND TIDES SOURCES
WITH AGGREGATE POWER NOT EXCEEDING 5 MEGAWATTS**

1. The rates to determine the fees payable on an annual basis for the issuance of a licence for a public installation for generating electricity using

biomass, biogas, hydro power, solar power, geothermal power, wind power, waves and tides sources with aggregate power not exceeding 5 Megawatts (MW) shall be as follows:

- (a) before the commissioning of any part of the installation—
 - 1.1 cent per kilowatt based on the installation capacity as specified in the licence; and
- (b) after the whole installation or any part of it has been completed, commissioned and is ready to supply electricity to any person or utility—
 - RM1.65 for each kilowatt (kW) where the aggregate power of the installation capacity is more than 5 kW.

For the purpose of determining the fees payable under this subparagraph, the capacity of the installation shall be—

- (i) where part of the installation has been completed, commissioned and ready to supply electricity to any person or utility—
 - the maximum installation capacity commissioned during the relevant 12 months; or
- (ii) after the whole installation has been completed, commissioned and is ready to supply electricity to any person or utility—
 - the installation capacity as specified in the licence.

2. In the calculation of the installation capacity, kilowatt (kW) is calculated as 0.85 x kilovolt-ampere (kVA).

3. For any licence which has been issued before the date of coming into operation of this Part, the fees prescribed in this Part shall apply to the date the next annual fees are due and payable.

4. Notwithstanding the foregoing paragraphs, the minimum fees payable under this Part shall be RM100.00 and the maximum fees shall be RM2,200.00.

5. A processing fee of RM100.00 shall be charged for an application of a licence.

6. A fee of RM100.00 shall be payable for an application to amend the conditions of the licence or to replace the licence. Any amendment to the conditions of the licence shall be subjected to such terms and conditions as the Commission may impose.

7. For the purposes of this Part—

“commissioned” means the inspection, tests and trial operations carried out on an equipment or installation or any part of it to verify and ascertain that the equipment or installation has been manufactured, fabricated, constructed, installed, set or adjusted according to the relevant safety, operational and performance requirements so that it is ready to be used, worked or operated; and

“installation capacity” means the maximum level of electrical power at which an installation can be used, worked on or operated for a period of time without causing damage to any part of the installation. However, for a transmission or distribution system, the installation capacity is at the maximum level of electrical power at which the system is expected or required to supply over a period of time, whichever is the higher.”;

(f) by substituting for Part IIIB the following Part:

“PART IIIB

(regulation 52)

FEES FOR ISSUANCE OF TEMPORARY CERTIFICATE OF COMPETENCY

The following fees are payable for the issuance of temporary Certificates of Competency:

	<i>Subject matter</i>	<i>Fees</i>
(a)	temporary Certificate of Competency as an Electrical Services Engineer	RM300
(b)	temporary Certificate of Competency as a Competent Electrical Engineer	RM200
(c)	temporary Certificate of Competency as an Electrical Supervisor	RM150
(d)	temporary Certificate of Competency as a Chargeman (operational voltage exceeding 1kV up to 33kV)	RM110
(e)	temporary Certificate of Competency as a Chargeman (operational voltage up to 1kV)	RM60
(f)	temporary Certificate of Competency as a Wireman (3 Phase)	RM40

(g)	temporary Certificate of Competency as a Wireman (1 Phase)	RM30
(h)	temporary Certificate of Competency as a Cable Jointer	RM40”;

(g) by substituting for Part IV the following Part:

“PART IV

(regulation 54)

FEEs FOR PROCESSING EXAMINATION APPLICATION, EXAMINATION, ENDORSEMENT, REPLACEMENT AND REISSUANCE OF CERTIFICATE OF COMPETENCY

The following fees shall be charged for processing an examination application, examinations for Certificates of Competency, and for the endorsement, replacement and reissuance of the Certificates of Competency:

	<i>Subject matter</i>	<i>Fees</i>
(a)	for processing an application for each examination	RM20
(b)	for examination for a Certificate of Competency as an Electrical Services Engineer	RM220
(c)	for examination for a Certificate of Competency as a Competent Electrical Engineer	RM220
(d)	for examination for a Certificate of Competency as an Electrical Supervisor	RM165
(e)	for examination for a Certificate of Competency as a Chargeman	RM110
(f)	for examination for a Certificate of Competency as a Wireman	RM60
(g)	for examination for a Certificate of Competency as a Cable Jointer	RM60
(h)	for endorsement of any Certificate of Competency	RM60
(i)	for replacement of any Certificate of Competency as an Electrical Services Engineer	RM330
(j)	for replacement of any Certificate of Competency as a Competent Electrical Engineer	RM330
(k)	for replacement of any Certificate of Competency as an Electrical Supervisor	RM275

(l)	for replacement of any Certificate of Competency as a Chargeman	RM220
(m)	for replacement of any Certificate of Competency as a Wireman	RM110
(n)	for replacement of any Certificate of Competency as a Cable Jointer	RM110
(o)	for reissuance of any Certificate of Competency	RM30”;

(h) by substituting for Part V the following Part:

“PART V

(regulation 63)

FEES FOR REGISTRATION OF COMPETENT PERSON

The following fees are payable for the registration as a competent person in the following category under the age limits as specified in regulation 63:

	<i>Competent Person</i>	<i>Registration Fees</i>				
		1 year	2 years	3 years	4 years	5 years
(a)	Electrical Services Engineer	RM300	RM600	RM900	RM1,200	RM1,500
(b)	Competent Electrical Engineer	RM200	RM400	RM600	RM800	RM1,000
(c)	Electrical Supervisor	RM150	RM300	RM450	RM600	RM750
(d)	Chargeman (operational voltage exceeding 1kV up to 33kV)	RM110	RM220	RM330	RM440	RM550
(e)	Chargeman (operational voltage up to 1kV)	RM60	RM120	RM180	RM240	RM300
(f)	Wireman (1 Phase)	RM30	RM60	RM90	RM120	RM150
(g)	Wireman (3 Phase)	RM40	RM80	RM120	RM160	RM200
(h)	Cable Jointer	RM40	RM80	RM120	RM160	RM200”;

(i) by substituting for Part VII the following Part:

“PART VII

(regulation 74)

FEEES FOR CERTIFICATE OF REGISTRATION AS AN ELECTRICAL SERVICES CONTRACTOR

The following fees are payable for the issuance or renewal of a Certificate of Registration as an Electrical Services Contractor working on the following operational voltage:

Years	<i>Operational Voltage in Kilovolts</i>					
	<i>Below 11 kV</i>		<i>11kV to 33 kV</i>		<i>Above 33kV</i>	
	Issuance Fees	Renewal Fees	Issuance Fees	Renewal Fees	Issuance Fees	Renewal Fees
1 year	RM1,000	RM500	RM1,100	RM 550	RM2,200	RM1,100
2 years	RM1,500	RM1,000	RM1,650	RM1,100	RM3,300	RM2,200
3 years	RM2,000	RM1,500	RM2,200	RM1,650	RM4,400	RM3,300
4 years	RM2,500	RM2,000	RM2,750	RM2,200	RM5,500	RM4,400
5 years	RM3,000	RM2,500	RM3,300	RM2,750	RM6,600	RM5,500”;

(j) by substituting for Part VIII the following Part:

“PART VIII

(regulation 79)

FEEES FOR CERTIFICATE OF REGISTRATION AS AN ELECTRICAL CONTRACTOR

The following fees shall be payable for the issuance or renewal of a Certificate of Registration as an Electrical Contractor in the following classes:

Years	<i>Classes</i>							
	Class A		Class B		Class C		Class D	
	Issuance Fees	Renewal Fees	Issuance Fees	Renewal Fees	Issuance Fees	Renewal Fees	Issuance Fees	Renewal Fees
1 year	RM3,000	RM2,000	RM1,500	RM1,000	RM500	RM300	RM200	RM100
2 years	RM5,000	RM4,000	RM2,500	RM2,000	RM800	RM600	RM300	RM200
3 years	RM7,000	RM6,000	RM3,500	RM3,000	RM1,100	RM900	RM400	RM300

4 years	RM9,000	RM8,000	RM4,500	RM4,000	RM1,400	RM1,200	RM500	RM400
5 years	RM11,000	RM10,000	RM5,500	RM5,000	RM1,700	RM1,500	RM600	RM500”;

(k) by substituting for Part IX the following Part:

“PART IX

(regulation 83)

FEES FOR CERTIFICATE OF REGISTRATION AS A PRIVATE WIRING UNIT

The following fees shall be payable for the issuance or renewal of a Certificate of Registration as a Private Wiring Unit:

	1 year	2 years	3 years	4 years	5 years
Issuance Fees	RM330	RM550	RM770	RM990	RM1,210
Renewal Fees	RM220	RM440	RM660	RM880	RM1,100”;

(l) by substituting for Part X the following Part:

“PART X

(regulation 87)

FEES FOR CERTIFICATE OF REGISTRATION AS AN ELECTRIC SIGN CONTRACTOR

The following fees shall be payable for the issuance or renewal of a Certificate of Registration as an Electric Sign Contractor:

	1 year	2 years	3 years	4 years	5 years
Issuance Fees	RM550	RM880	RM1,210	RM1,540	RM1,870
Renewal Fees	RM330	RM660	RM990	RM1,320	RM1,650”;

(m) by substituting for Part XI the following Part:

“PART XI

(regulation 91)

FEEs FOR CERTIFICATE OF REGISTRATION AS AN ELECTRIC REPAIR CONTRACTOR

The following fees shall be payable for the issuance or renewal of a Certificate of Registration as an Electric Repair Contractor:

	1 year	2 years	3 years	4 years	5 years
Issuance Fees	RM110	RM170	RM230	RM290	RM350
Renewal Fees	RM60	RM120	RM180	RM240	RM300”;

(n) by substituting for Part XII the following Part:

“PART XII

(regulation 96)

FEEs FOR CERTIFICATE OF REGISTRATION AS A SWITCHBOARD MANUFACTURER

The following fees shall be payable for the issuance or renewal of a Certificate of Registration as a Switchboard Manufacturer in the following classes:

Years	<i>Classes</i>			
	<i>Switchboard operated at low voltage</i>		<i>Switchboard operated at higher than low voltage</i>	
	Issuance Fees	Renewal Fees	Issuance Fees	Renewal Fees
1 year	RM660	RM330	RM3,300	RM2,200
2 years	RM990	RM660	RM5,500	RM4,400
3 years	RM1,320	RM990	RM7,700	RM6,600
4 years	RM1,650	RM1,320	RM9,900	RM8,800
5 years	RM1,980	RM1,650	RM12,100	RM11,000”;

and

(o) by substituting for Part XIII the following Part:

“PART XIII

(regulation 97)

**FEEs FOR CERTIFICATE OF APPROVAL TO MANUFACTURE, IMPORT,
DISPLAY, SELL OR ADVERTISE EQUIPMENT**

The following fees shall be payable for the issuance or renewal of a Certificate of Approval to manufacture, import, display, sell or advertise each equipment operated at the following voltage ratings:

	<i>Voltage rating</i>	<i>Issuance Fees for 12 months</i>	<i>Renewal Fees for 12 months</i>
<i>(a)</i>	240V	RM220	RM110
<i>(b)</i>	415V	RM330	RM220”.

Made 10 March 2014

[KeTTHA: BP(S)223/353/22/4 Klt.9; PN(PU2)486/VI]

DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS JOHNNITY ONGKILI
Minister of Energy, Green Technology and Water